

HPA sasar buka 20 restoran RFC

Program pengembangan dilaksana susulan sambutan baik cawangan pertama

Oleh Ridzuan Ahmad
hbiz@bharian.com.my

HPA Industries Sdn Bhd (HPA), syarikat pemasaran pelbagai peringkat (MLM) yang terkenal dengan produk Kopi Radix, memasar untuk membuka 20 restoran Radix Fried Chicken (RFC) di seluruh negara menjelang penghujung tahun ini.

Pengarah Urusannya, Ismail Ahmad, berkata program pengembangannya itu susulan sambutan menggalakkan daripada orang ramai untuk cawangan pertama RFC yang dibuka di Lagenda Heights, Sungai Petani, Kedah, Jun tahun lalu.

Katanya, kewujudan RFC akan merancakkan lagi industri makanan segera yang mempunyai potensi yang cukup luas untuk diusahakan di negara ini.

Beliau berkata, syarikat itu menawarkan francais kepada 500,000 ahlinya di seluruh negara untuk membuka RFC melalui kaedah perkongsian mudharabah yang mana modal diperlukan bagi

sebuah restoran adalah hampir RM1.5 juta, bergantung kepada lokasi.

“Usaha sama dibuat mengikut kaedah perkongsian mudharabah yang mana RFC bertindak sebagai pihak yang mengurus (modal dan pentadbiran), sementara pemodal bertindak sebagai penyumbang modal saja.

“Nisbah keuntungan yang ditawarkan RFC ialah ialah 50:50 antara HPA dan pemodal. Keuntungan pula berdasarkan untung bersih bulanan,” katanya selepas perasmian cawangan kedua RFC oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak di Shahab Perdana, Alor Setar, kelmarin.

Ismail menjelaskan, semua produk digunakan di RFC, termasuk sos dan minuman adalah keluaran HPA yang berasaskan herba dan bebas daripada bahan kimia.

Katanya, RFC menggunakan ayam organik yang diternak sendiri HPA dan dijamin bebas daripada vaksin kerana menggunakan herba sebagai makanannya seperti

B.H 9/2/19 NIS 21



ISMAIL di cawangan kedua RFC Shahab Perdana, Mergong, Alor Setar, kelmarin.

daun mambu, kunyit dan tongkat Ali.

Selain ayam goreng asli dan pedas yang menggunakan ramuan herba terpilih, RFC juga menyediakan pelbagai set makanan lain termasuk burger, sosej, kentang goreng dan putar, sayur bermayonis dan ais krim.

RFC turut menyediakan minuman Kopi Radix, Cola Radix, Sarsi Radix selain jus roselle dan mangga.

“Kewujudan RFC juga membuka peluang pekerjaan

“*Semua produk digunakan di RFC, termasuk sos dan minuman adalah keluaran HPA yang berasaskan herba dan bebas daripada bahan kimia*”

Ismail Ahmad
Pengarah Urusan HPA

kepada anak tempatan yang berminat untuk bekerja di setiap cawangan yang diwujudkan.

“Kita juga bersedia menimbang untuk mendapatkan ayam organik yang diusahakan oleh penternak tempatan, sekiranya ia mengikut standard yang ditetapkan,” katanya.

Ismail menambah, dalam tempoh terdekat ini, pihaknya akan membuka cawangan ketiga RFC di Kepala Batas, Pulau Pinang.

SYAHARIM ABDIN | BERITA HARIAN